

# Dividen SSPN1M 4 peratus

➊ Pemberian bابتkan anggaran peruntukan RM92.56 juta

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengumumkan kadar dividen empat peratus untuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) bagi tahun 2017.

SSPN1M adalah penjenamaan semula Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang disediakan PTPTN dan dividen itu diberikan kepada dua produknya SSPN1M dan SSPN1M Plus yang dulunya dikenali sebagai SSPN-i serta SSFN-i Plus.

Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata pemberian dividen itu membabitkan anggaran peruntukan sebanyak RM92.56 juta dan akan mem-

beri manfaat kepada lebih 3.2 juta pendeposit SSPN1M.

"Sehingga 2016, PTPIN mengeluarkan sebanyak RM288.6 juta bagi tujuan pengagihan kepada pende-

posit. "Kadar empat peratus dividen SSPN1M bagi tahun 2017 adalah berdasarkan kepada pulangan bersih pelaburan dibuat ke atas deposit yang diterima PTPIN.

"Walaupun 2017 adalah tahun yang mencabar, tetapi PTPIN masih dapat mengekalkan kadar dividen SSPN1M yang diberikan seperti tahun sebelumnya," katanya pada Majlis Pengumuman Dividen 2017 SSPN1M di Menara PTPIN, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Eksekutif PTPIN, Wan Ahmad Wan Yusoff dan Ahli Lembaga Pengurusan Tertinggi PTPIN.

**3.2 juta akaun SSPN1M dibuka**  
Shamsul Anuar berkata, sejak di-



**Shamsul Anuar (dua dari kiri) dan Wan Ahmad (dua dari kanan)** ketika mengumumkan dividen SSPN1M sebanyak 4 peratus di Kuala Lumpur, semalam.

lancarkan pada 2004 sehingga 31 Disember lalu, sebanyak 3.2 juta akaun SSPN1M dibuka dengan jumlah deposit lebih RM3.3 bilion.

Beliau berkata, selaras dengan hasrat dan pelbagai strategi bertemakan Tahun 2017 Tahun Penabungan, PTPIN berjaya melepasi sasaran deposit tahun lalu iaitu RM550 juta bagi penabungan SSPN1M.

Katanya, prestasi penabungan SSPN1M meningkat sehingga RM727.40 juta pada 2017 berbanding RM544.51 juta pada 2016, membabitkan peningkatan sebanyak 33.59 peratus.

Sebanyak 447,039 akaun baharu dibuka oleh pendeposit pada tahun lalu dan ia menunjukkan masyarakat Malaysia mula sedar kepentingan penabungan untuk pendidikan tinggi.

"SSPN1M adalah skim pendidi-



**Walaupun 2017 adalah tahun yang mencabar, tetapi PTPIN masih dapat mengekalkan kadar dividen SSPN1M yang diberikan seperti tahun sebelumnya"**

**Shamsul Anuar Nasarah,**  
Pengerusi PTPIN

kan yang sewajarnya dimiliki setiap isi rumah kerana ia bukan hanya simpanan semata-mata tetapi turut menawarkan pelbagai keistimewaan.

"Pulangan simpanan di dalam produk ini bukan hanya diukur dengan nilai dividen empat peratus yang diberikan, tetapi juga nilai daripada pelbagai keistimewaan yang ditawarkan, termasuk pelepasan taksiran cukai.

"Dengan SSPN1M, pendeposit layak mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan, manfaat takaful, kelayakan untuk memohon pinjaman PTPIN, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah," katanya.

PTPTN yang menjadi tabung pendidikan utama negara turut memperkasakan revolusi industri ke arah pengoperasian secara tanpa tunai bagi tujuan pembukaan dan penambahan akaun di [www.sspn1m.com](http://www.sspn1m.com)